

19 JUN 1998

DAIM-"WANG PANAS"/I

PAMERAN BERGERAK BAWA MASUK "WANG PANAS", KATA DAIM

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Penasihat ekonomi kepada kerajaan Tun Daim Zainuddin berkata hari ini pameran bergerak di luar negara oleh syarikat-syarikat tempatan berjaya menarik masuk "wang panas" ke negara ini.

"Ini adalah pelaburan jangka pendek...ia adalah "wang panas", ia sering datang dan pergi...anda tidak boleh menahannya," katanya kepada pemberita di penghujung hari pertama perhimpunan agung UMNO di sini.

Bagaimanapun, bekas menteri kewangan itu berkata ia terpulanglah pada syarikat-syarikat terbabit untuk memutuskan sama ada mahu atau tidak mengadakan pameran bergerak seumpama itu untuk menjual saham mereka.

"Saya serahkan perkara itu kepada syarikat-syarikat terbabit. Itu adalah keputusan mereka, bukan kami," kata Daim, yang juga pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Sementara itu, dalam ucaptamanya pagi ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan banyak kumpulan telah mengembara ke Amerika Syarikat untuk menarik dana asing bagi melabur dalam industri tempatan utama.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah berulang kali memberi amaran nilai tinggi saham yang tidak berkaitan dengan nilai aset atau prestasi syarikat adalah tidak sihat dan merbahaya.

Aliran masuk "wang panas" dikatakan menjadi sebab utama kepada kejatuhan pasaran saham tempatan apabila pelabur-pelabur memutuskan untuk memindahkan dana mereka ke tempat lain dan ia mengakibatkan penurunan mendadak harga saham.

-- BERNAMA

MAM ZK MA